

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

16 - 30 NOVEMBER, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



KEPELBAGAIAN tanaman herba yang menjadi tarikan baharu.

# Pakej Ekopelancongan SPU dipelbagaikan



RUPA bentuk halia organik.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PAKEJ** Ekopelancongan Seberang Perai Utara (SPU) dijangka dapat dilaksanakan pada pertengahan tahun depan sekiranya penularan pandemik COVID-19 di Pulau Pinang dan seluruh negara kembali reda.

Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri bagi Parlimen Kepala Batas, **LAY HOCK PENG** berkata bahawa sehingga kini, pihaknya masih berusaha untuk menambah baik pakej tersebut agar ia dapat memberi kepuasan maksimum kepada para pelancong kelak.

Terbaru kata beliau, pihaknya telah mengenal pasti dua lagi produk pertanian yang boleh dimasukkan dalam pakej berkaitan iaitu halia organik dan tanaman herba tradisional yang diusahakan oleh petani tempatan.

Hock Peng yang merupakan penganjur Pakej Ekopelancongan SPU berkata, penanaman halia organik merupakan langkah tepat memandangkan lebih 80 peratus halia yang berada dalam pasaran tempatan adalah halia import.

"Bagi membantu meningkatkan hasil jualan, saya bercadang untuk merancakkan lagi penghasilan produk berasaskan halia organik tempatan di sini dan menyenaraikan ia sebagai salah satu tarikan pelancongan di Seberang Perai.

"Cuba bayangkan, Pulau Pinang kini telah berjaya menghasilkan halia organik dan mengeluarkan pelbagai produk berasaskan halia sendiri.

"Malah, kita juga merancang untuk mendirikan ruang pameran bagi mempromosikan pelbagai produk berasaskan halia organik seperti teh, kopi serta kudapan halia," jelasnya.

Dalam pada itu, Hock Peng berkata bahawa pelbagai jenis herba tradisional tempatan yang diusahakan dekat Guar Perahu dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti pula mampu menarik minat pelancong terutamanya dari luar negara untuk datang ke Pulau Pinang.

*(Sambungan di muka 8 & 9).*



**LAY Hock Peng (dua dari kiri) bersama-sama Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai, Ooi Yong Wooi (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan khas ke taman herba diusahakan oleh Mohd. Shukri Mohamad Talib (kiri sekali) di Kampung Pelet, SPU.**

# ‘Cycle The World, Cycle For Peace’ promosi kedamaian bermula dari rumah

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PULAU PINANG** meraikan Hari Kedamaian Antarabangsa dengan pelancaran program *‘Cycle The World, Cycle For Peace’* yang disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Dalam ucapan beliau, Tun Ahmad Fuzi mengatakan bahawa kepelbagaian budaya, kaum dan agama menjadi aset penting bagi Malaysia khasnya negeri Pulau Pinang.

“Saya bangga kerana Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif untuk menganjurkan inisiatif *‘Peace’* dan berharap agar ia menjadi teladan untuk mempromosikan kedamaian serta keharmonian di negara ini,” katanya semasa melancarkan program tersebut dekat Pusat Harmoni Pulau Pinang pada 21 September lalu.




**CHONG Eng (kanan sekali) dan Paul Au menyempurnakan gimik perasmian.**

Turut serta, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Pengerusi Penang Harmony Corporation, Chong Eng serta Pengurus Penang Harmony Corporation, Paul Au.

Ahmad Fuzi berkata, Hari Kedamaian Antarabangsa yang dirasmikan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1981 telah disambut pada 21 September setiap tahun sebagai hari tanpa keganasan.

Tambah beliau, tema sambutan pada tahun ini iaitu *“Recovering better for an equitable and sustainable world”* adalah bersesuaian dengan situasi pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara termasuk Pulau Pinang.

“Oleh itu, marilah kita berganding bahu untuk memulihkan negara kita dengan belas kasihan, murah hati dan penuh harapan serta usaha bersama-sama menentang keganasan sama ada secara fizikal ataupun maya.

“Di sini saya sertakan petikan daripada Lyndon B. Johnson, Presiden Amerika Syarikat yang ke-36 berbunyi *“Peace is a journey of a thousand miles and it must be taken one step at a time”*,” tambah Ahmad Fuzi.

Sementara itu, Chong Eng memberitahu bahawa tahun ini merupakan kali pertama Kerajaan Negeri Pulau Pinang meraikan hari bermakna tersebut khasnya ketika pandemik COVID-19 melanda sekali gus dapat mengingatkan masyarakat mengenai kepentingan kedamaian diri dan negara.

“Sebelum ini, saya selalu bersikap sinis apabila orang berbicara tentang keamanan dunia, dan saya sering bertanya kepada diri sendiri mengenai bagaimana seorang individu mampu menghentikan perang atau keganasan.

“Namun begitu, ‘Dasar Keluarga Selamat’ yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 banyak menyentuh soal kegasanan rumah tangga dan betapa pentingnya kedamaian di rumah.

“Ini kerana, sekiranya berlaku keganasan di rumah maka tidak akan ada kedamaian dan kita tidak boleh berasa bahagia.

“Oleh itu, saya sangat bersetuju bahawa kedamaian negara perlu bermula dari rumah yang merupakan tempat kita mendidik kanak-kanak atau generasi muda untuk menjadi rakyat yang bermoral dan bertanggungjawab pada masa hadapan,” ulasnya.

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan bahawa beliau akan menyeru lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta badan-badan lain untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam mempromosikan konsep *‘Peace Starts from Home’*.



**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak menyempurnakan simbolik kayuhan selepas merasmikan program *‘Cycle The World, Cycle For Peace’* secara maya di sini baru-baru ini.**

Beliau menambah, pihaknya juga akan bekerjasama dengan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy untuk mempromosi konsep tersebut ke sektor perkilangan termasuk menyediakan sistem sokongan seperti perkhidmatan kaunseling.

“Pekerja tidak dapat memberi fokus kepada pekerjaan sekiranya berlaku keganasan dalam rumah tangga yang mana keadaan ini sekali gus akan menjejaskan produktiviti.

“Selain itu, kita juga mahu memupuk rasa kasih sayang dan kedamaian bermula dari rumah bagi mengelakkan berlakunya penceraian dalam rumah tangga,” tambahnya.

Chong Eng berkata, sejak 2014, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menganjurkan program *‘Penang Goes Orange’* setiap tahun bagi menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Pada masa sama, beliau mengucapkan terima kasih kepada Ahmad Fuzi kerana menunjukkan minat dan menyokong program *Peace21*, *'Cycle The World, Cycle For Peace'*.

# Hayati moto Maulidur Rasul, ‘Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti’

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Umat Islam di Pulau Pinang digesa menghayati moto sambutan Maulidur Rasul tahun ini iaitu ‘Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti’, sungguhpun diraikan secara maya tanpa perarakan.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata demikian ketika menyampaikan amanat dalam acara anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) pada peringkat Negeri Pulau Pinang menerusi laman Facebook rasmi jabatan berkenaan pada 18 Oktober 2021.

Menurut Ahmad Fuzi, penerapan ‘manhaj rabbani’ dalam memangkin ummah berkualiti adalah merujuk kepada tiga elemen utama keilmuan, kerohanian dan aktivisme atau gerakan dakwah berteraskan ‘amar makruf nahi mungkar’.

Di samping itu, beliau turut menyeru umat Islam supaya meneladani akhlak yang ditunjukkan oleh junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W dalam melaksanakan aktivisme.

Senada dengan TYT, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sebelum itu turut menyeru umat Islam supaya menghayati sejarah perjuangan Nabi Muhammad S.A.W.

“Kelahiran Baginda (Nabi Muhammad S.A.W) bukan sekadar mengisi kalendar tahunan umat Islam, akan tetapi kelahiran serta kehidupan haruslah diteladani dan dijadikan ‘ibrah (pengajaran) bagi seluruh umat Islam,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.




**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (tengah) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) menyampaikan replika cek kepada Mohamad Shakir Abdul Hamid yang terpilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 2021 pada majlis sambutan yang diadakan secara maya di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberitahu bahawa akhlak serta Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W juga bukan bersifat selektif untuk umat Islam semata-mata bahkan bersifat ‘syumul’ atau menyeluruh sesuai dengan kepelbagaian kabilah yang berada di Madinah Al-Munawwarah semasa itu.

Mufti Negeri, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pengarah JHEAIPP, Dato’ Mohd. Zakuan Zakaria; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali merupakan antara pimpinan Kerajaan Negeri yang menyertai acara sambutan Maulidur Rasul secara maya tersebut.

Pada majlis sama, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, YAA Dato’ Mohamad Shakir Abdul Hamid yang merupakan bekas Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 2021.

Mohamad Shakir, 55, membawa pulang trofi, wang tunai berjumlah RM5,000, sijil dan hadiah iringan yang disampaikan oleh Ahmad Fuzi di sini.

# Greatech lebarkan 'sayap', hab automasi terkemuka dunia



KETUA Menteri menyempurnakan majlis pecah tanah secara maya yang turut dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah Greatech secara dalam talian di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN** - Pembinaan bangunan pengeluaran dan pejabat berteknologi tinggi serta moden milik Greatech Technology Berhad (Greatech) bernilai RM51 juta dekat tapak seluas 2.83 hektar di Batu Kawan dijangka siap serta sedia untuk beroperasi pada suku kedua (Q2) tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pengarah Greatech, Ooi Hooi Kiang berkata bahawa pembinaan kilang terbaharu syarikat penyedia penyelesaian automasi terkemuka dunia berkaitan membuktikan bahawa Greatech komited untuk kekal bertapak di Pulau Pinang sekali gus menjana kitaran ekonomi bagi negeri-negeri Wilayah Utara Semenanjung.

"Bangunan terbaharu ini terletak beberapa blok dari dua fasiliti pembuatan serta hampir dengan ibu pejabat korporat Kumpulan (Greatech) di Bayan Lepas.

"Ia juga mempunyai kepentingan strategik kepada Greatech dalam memenuhi permintaan semakin meningkat yang mana kapasiti pengeluaran akan bertambah sebanyak 50 peratus lagi daripada kapasiti pengeluaran sedia ada.

"Malah, bangunan terbaharu ini juga dijangka menempatkan 500 tenaga kerja, iaitu tambahan kepada 770 tenaga kerja sedia ada kini.

"Maka, apabila siap kelak, kapasiti bangunan terbaharu Greatech akan mempunyai sejumlah 1,100,000 juta kaki persegi (kp) keluasan lantai dengan tenaga kerja seramai 1,200 orang," katanya pada majlis pecah tanah yang diadakan secara maya sebagai simbolik memulakan pembinaan bangunan terbaharu tersebut pada 13 Oktober 2021.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif Greatech, Datuk Tan Eng Kee dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Senator Datuk Lim Ban Hong.

Difahamkan, 99 peratus tenaga kerja Greatech adalah dalam kalangan tenaga kerja tempatan yang mana 50 peratus adalah jurutera daripada pelbagai latar belakang kemahiran seperti reka bentuk, mekanikal, mekatronik, perisian dan reka bentuk elektrik.

Dalam pada itu, Eng Kee menyatakan bahawa Greatech bukan sahaja akan melebarkan 'sayap' di Pulau Pinang tetapi menjadikan negeri ini sebagai hab automasi bertaraf dunia.

"Pihak kami (Greatech) membayangkan Pulau Pinang sebagai hab automasi berpotensi dalam menyediakan penyelesaian automasi, dan kami menjangkakan menjadi antara kilang terbaik di dunia dalam tempoh lima tahun akan datang.

"(Dan) untuk merealisasikan cita-cita ini, Greatech akan terus melabur dalam tiga tonggak strategik utama iaitu mengembangkan keupayaan pengeluaran, menarik dan mengekalkan bakat serta tenaga kerja utama serta membina budaya komunikasi terbuka dan berinovasi," jelasnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sokongan berterusan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa kehadiran Greatech dalam teknologi automasi telah berkembang selama bertahun-tahun sejak ditubuhkan pada 1997.

"Majlis pecah tanah yang diadakan ini adalah bukti pertumbuhan berterusan dan telah membantu menarik pelaburan asing ke negara ini khasnya di Pulau Pinang.

"Saya memuji usaha Greatech dalam membentuk bakat tempatan demi masa depan Pulau Pinang dan difahamkan bahawa mereka telah bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan dalam menyediakan latihan kepada bakal graduan.

"Langkah ini adalah penting memandangkan ekosistem perindustrian di Pulau Pinang bukan sahaja bergantung pada kemajuan teknologi tetapi juga kumpulan bakat yang berkemahiran.

"(Dan) Kerajaan Negeri sedia menarik dan mengekalkan bakat berkemahiran ini dalam usaha memastikan Pulau Pinang kekal sebagai hab pembuatan termaju," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi.

Usai majlis berkaitan, Greatech melancarkan pula slogan korporat terbaharunya iaitu *'Accelerate the Future'* (Memacu Masa Hadapan), membuktikan komitmen dan sedia menyahut cabaran masa depan.

Greatech juga menyampaikan cek cura bernilai RM300,000 kepada Penang Tech Centre Berhad dan RM200,000 kepada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), secara maya.

# Projek LPNPP Bukit Gedung harap mula hujung tahun

**BATU MAUNG** - Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan membina 801 unit rumah mampu milik (RMM) dalam dua blok perumahan A dan B di atas sebidang tanah dekat Bukit Gedung di sini.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pihaknya berharap LPNPP selaku agensi negeri dapat melaksanakan projek tersebut pada hujung tahun ini juga.

"Kita (di Pulau Pinang) baru bermula sebagai LPNPP pada Januari tahun ini (2021) dan sasaran saya adalah beberapa projek dapat mula dilaksanakan pada hujung tahun ini.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) menunjukkan ilustrasi grafik projek RMM yang bakal dibina LPNPP dekat Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

"Sebanyak 801 unit RMM akan dibina (di Bukit Gedung), dan baki 15 lagi pastinya adalah unit komersial yang dibenarkan untuk projek pembangunan juga.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap projek ini berjaya dilaksanakan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat semasa mengadakan lawatan tapak projek tersebut di sini pada 24 September 2021.

Turut serta, Pengurus Besar LPNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi serta beberapa pegawai bagi agensi negeri tersebut.

Di samping itu, Jagdeep memberitahu bahawa kemudahan seperti kolam renang, gimnasium serta beberapa tambahan lain akan disediakan dalam pelaksanaan projek-projek RMM baharu berkaitan sekali gus meningkatkan daya huni penduduk di unit-unit kediaman yang mereka beli kelak.

"Ini, bukan soal rumah kos rendah, kos sederhana rendah atau rumah mampu milik dengan tidak disediakan kemudahan sebegini kerana di bawah garis panduan kita (Kerajaan Negeri) sekarang juga, perlu ada banyak kemudahan.

"Ini (segala kemudahan baharu) pasti akan dilaksanakan di sini kerana projek perumahan ini milik kita (LPNPP)," ujarnya.

Dengan LPNPP menyediakan kepelbagaian kemudahan baharu berkaitan dalam projek-projek perumahan yang bakal dilaksanakan kelak, ia sekali gus akan menyaingi pasaran projek perumahan sedia ada yang telah pun dibina oleh pemaju-pemaju swasta.

# Adaptasi Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy demi kelestarian alam sekitar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menangani dan menambah baik pengurusan sisa pepejal melalui Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy.

Justeru, beliau menyeru kepada penduduk di negeri ini khususnya warga Seberang Perai supaya mengadaptasikan model *Circular Economy* dalam kehidupan seharian sebagai menyokong usaha MBSP memelihara alam sekitar.

"MBSP menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang memperkenalkan Pelan Tindakan Circular Economy iaitu sebuah model penggunaan semula produk atau bahan mentah bagi mencegah pembaziran serta pelepasan buangan berbahaya ke tanah, air dan udara.

"Oleh itu, saya mengharapkan agar pelan tindakan ini dapat dilaksanakan dengan gigih dan berani supaya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai pada akhir tempoh ini.

"Malah, saya berharap agar kita bukan sahaja dapat menyelamatkan bumi tetapi juga mengelakkan pembaziran serta meningkatkan pendapatan," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy secara dalam talian di sini 2 Oktober lalu.

Turut serta, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-ahli Majlis bagi MBSP; Pemangku Setiausaha Bandaraya, Baderul Amin Abdul Hamid serta ketua-ketua jabatan MBSP.



**KETUA Menteri bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) dan barisan kepimpinan MBSP menunjukkan buku Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Pada masa sama, Kon Yeow turut menyeru MBSP supaya meneroka penggunaan teknologi dalam pengurusan sisa pepejal demi kelestarian alam sekitar.

Beliau berkata, langkah tersebut adalah bagi mengurangkan penghasilan sisa organik yang merangkumi 40 peratus daripada sisa pepejal yang dibawa ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung.

"Seperti yang kita sedia maklum, Pulau Pinang terkenal sebagai syurga makanan dalam sektor pelancongan dan 40 peratus sisa sampah yang dibawa ke tapak pelupusan adalah terdiri daripada sisa makanan atau sisa organik.

"Oleh itu, bagi memastikan sektor pelancongan seiring dengan kelestarian alam sekitar, saya menyeru agar MBSP meneroka penggunaan teknologi dalam projek-projek untuk menukar sisa pepejal menjadi sumber tenaga, protein serta kompos.

"Kaedah ini adalah bertepatan dengan Visi Penang2030 di bawah tema D iaitu melabur dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan," ujarnya.

Dalam pada itu, Rozali memberitahu bahawa matlamat utama Pelan Tindakan Seberang Perai Circular Economy 2021-2030 adalah untuk menyediakan agenda berorientasikan masa hadapan bagi mencapai bandar lebih bersih dan kompetitif.

Menurut beliau, pelan tindakan berkaitan turut mengandungi lapan bidang keberhasilan utama (KRA) serta 27 program yang sedia untuk dilaksanakan.

"Lapan keberhasilan ini adalah berdasarkan hasil analisa soal selidik dilakukan oleh MBSP yang mendapati bahawa 34 peratus penduduk mahu tumpuan diberikan terhadap kebergantungan kepada tapak pelupusan.

"Kemudian, ia diikuti oleh pengurusan sisa makanan (22 peratus), pengurusan sisa binaan (15 peratus), kitar semula dan industri *upcycle* (12 peratus), tenaga boleh diperbaharui (7 peratus), elektronik dan sisa berbahaya (5 peratus), plastik sekali guna (3 peratus) serta pengurusan air dan air sisa (2 peratus).

"Setiap KRA ini telah ditetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai mengikut tahun," ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali memaklumkan bahawa penduduk Seberang Perai berjaya mengurangkan penghasilan gas rumah hijau daripada 8 tan karbon dioksida (CO2) pada tahun 2017 kepada 6.31 tan atau 21 peratus pada 2020.

"Manakala kadar kitar semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91 peratus yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di negara ini," katanya.

Difahamkan, Pelan Tindakan Seberang Circular Economy adalah kesinambungan daripada Seberang Perai Circular Economy Roadmap 2021-2030 yang dilancarkan oleh Kon Yeow sendiri sempena sambutan Hari Badaraya MBSP pada tahun lepas.

## 'RMMPg' komited sediakan RMM demi rakyat

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sentiasa komited dalam menyediakan perumahan mampu milik pelbagai kategori bagi membolehkan rakyat di negeri ini memiliki rumah.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, selain sasaran menyediakan 220,000 unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori menjelang tahun 2030 seperti yang termaktub dalam Visi Penang2030, Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) kini mempunyai rancangan perumahan untuk lima tahun iaitu Pelan Induk Perumahan bermula tahun 2021 sehingga 2025 bagi membangunkan 7,838 unit RMM.

"Di bawah rancangan ini, terdapat 14 projek (projek rumah mampu milik - sembilan, projek pembaharuan semula - lima) yang mana kini pihak LPNPP sedang mencari suatu jenama yang akan dikenali sebagai 'Rumah Mampu Milik Penang' atau 'RMMPg'," ujarnya pada sidang media yang disiarkan secara langsung menerusi platform *Facebook* dekat sini 14 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar LPNPP, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Pegawai Operasi (Sektor Operasi) LPNPP, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff; Ketua Pegawai Bisnes (Sektor Bisnes) LPNPP, Fakhurrazi Ibnu Omar; Pengarah Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sr. Nik Ariff Long Dir; pemangku Pengarah Perancangan Pembangunan, Zuraini Mat Rasit serta wakil pemaju, Rocky Cheang.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa di bawah rancangan perumahan tersebut, selain menyediakan RMM, pihaknya juga akan memulakan projek perintis pembaharuan semula skim perumahan lama di Lorong Mahsuri.

Dalam mesyuarat Exco 13 Oktober lalu, projek untuk membangunkan RMM dan kos sederhana rendah di Bukit Gedung (Mukim 12, Daerah Barat Daya) di bawah LPNPP telah diluluskan.

"(Dan) panggilan tender akan diiklankan mulai 15 Oktober 2021 selama 60 hari yang mana saya berharap kerja-kerja dapat dimulakan secepat mungkin dan dapat disiapkan menjelang tahun 2025.

"Manakala bagi projek pembaharuan semula di (Lorong) Mahsuri pula, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara prinsip telah memberi komitmen untuk melihat isu-isu berkaitan perundangan berbangkit.

"(Dan) saya berharap projek ini dapat dimulakan bagi meningkatkan daya huni dan kesejahteraan penduduk di skim perumahan lama," jelasnya.

Terdahulu, Jagdeep bersama-sama LPNPP dan MBPP mengadakan pemantauan serta pemeriksaan mengejut di tapak pembinaan projek RMM *Fairview Residence* dekat sini.

Difahamkan, projek di bawah Potential Dual Sdn. Bhd. ini melibatkan pembangunan 575 unit RMM Jenis C3 dengan keluasan 900 kaki persegi pada harga RM300,000 seunit dan 58 unit adalah Jenis B (RM72,500).

Projek yang dijangka siap pada suku ketiga tahun 2022 ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bertaraf kondominium mewah seperti kolam renang, taman rekreasi, kawasan permainan kanak-kanak, gimnasium serta ruangan barbeku.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri telah meletakkan syarat kepada para pemaju untuk menyediakan rumah yang bukan sahaja mampu dimiliki malah berdaya huni dan dilengkapi dengan kemudahan asas semasa demi kesejahteraan penghuni.

"Pemaju RMM di negeri ini dikehendaki menepati tahap kualiti yang baik tanpa kecacatan serta memperoleh skor minimum 70 peratus di bawah penarafan QClassic yang diperakukan oleh Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)," katanya.




# Transformasi kemudahan awam dinikmati rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI PINANG** - Taman Areca dekat Lebuh Sungai Pinang 7 secara rasminya dibuka kepada semua termasuk pelancong domestik yang mula mengunjungi negeri ini.

Di atas tanah seluas 3.248 ekar berhampiran Sungai Pinang, kira-kira 25,000 pokok renek serta teduhan (404) yang pelbagai serta indah dengan konsep laman keluarga *(family lawn)* melayakkan kawasan berkenaan dikenali sebagai 'taman mini botanikal'.

Semasa menyempurnakan acara perasmian taman rekreasi keluarga berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telah membelanjakan sejumlah RM1,519,284.73 bagi merealisasikan impian penduduk negeri terutama yang menetap di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang dan Pengkalan Kota.

"Selain pembiayaan daripada Kerajaan Negeri, kita juga berharap dapat mencari sumber pembiayaan lain termasuk memohon (peruntukan) daripada agensi-agensi Persekutuan serta melalui projek perkongsian awam dan swasta (PPP) untuk menjayakan transformasi kualiti hidup rakyat di negeri Pulau Pinang.

"Sehubungan itu, daripada segi penghijauan tempat-tempat awam, Kerajaan Negeri (sejak tahun 2008) di bawah inisiatif 'Pulau Pinang Bersih dan Hijau' sehingga Visi Penang2030 memang memberi penekanan kepada transformasi kemudahan awam supaya rakyat jelata kita dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini," jelasnya pada acara simbolik berkaitan di sini pada 17 Oktober 2021.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut memuji semua pihak yang terlibat dalam menyediakan konsep serta susun atur Taman Areca sehingga memenuhi lapan kriteria di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim memberitahu bahawa Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC); Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK); Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta komuniti lokal merupakan antara pihak yang terlibat dalam menjayakan siri-siri temu bincang sehingga Taman Areca tersebut siap direalisasikan pada hari ini.

Turut berucap, Pengarah Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Mohamed Akbar Mustapha.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri, beberapa ADUN serta Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM, Dr. Noor Azlin Yahya.

Berikut adalah lapan SDG di sebalik projek Taman Areca:-

- SDG 3 - Kesihatan dan Kesejahteraan
- SDG 4 - Pendidikan Berkualiti
- SDG 5 - Kesaksamaan Gender
- SDG 6 - Air Bersih dan Terawat
- SDG 11 - Bandar dan Komuniti Mampan
- SDG 13 - Perubahan Iklim
- SDG 15 - Kehidupan Marin
- SDG 17 - Rakan Kongsi Untuk Matlamat

Sementara itu, Siew Khim menasihati orang ramai yang datang beriadah di Taman Areca agar tidak melakukan vandalisme terhadap pokok-pokok serta kemudahan di kawasan tersebut.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa belakangan ini menyaksikan ada pihak yang tidak bertanggungjawab acap kali mencuri atau memusnahkan pokok-pokok hiasan serta tanaman lain di taman tersebut.

"Taman ini milik kita semua, janganlah pentingkan diri, taman ini mendapat pujian ramai bahkan ia lengkap dengan komponen kekeluargaan, tambahan pula ia merupakan lokasi riadah di tengah-tengah bandar raya.

"Datang ke sini bersenam bersama-sama keluarga, kita perlu hargai kecantikan dan kebersihan di sini, kita bukan cakap semua, tetapi ada segelintir pengunjung yang melakukan kerosakan dengan mencuri dan merosakkan pokok termasuk membuang sampah di merata-rata.

"Kita ada pekebun, ada hasil (sayur-sayuran) kita boleh kongsi tanpa perlu mencuri, kita juga akan marah sekiranya tanaman di rumah kita dirosakkan atau dicuri," serunya pada sesi lawatan yang diadakan pada 8 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Siew Khim juga memberitahu bahawa pihaknya bercadang mewujudkan 'Areca Little Market' yang akan beroperasi pada hujung minggu setiap bulan.

"Jualan seperti pokok-pokok bunga serta sayuran termasuk cenderahati antara yang sedang dipertimbangkan," ulasnya.




**LANDSKAP Taman Areca yang memukau setiap pengunjung.**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan salah satu replika menarik sejurus perasmian Taman Areca di sini baru-baru ini.**

# Hutan Simpan Kekal Paya Bakau dan Karuna Hill tarikan semula jadi Balik Pulau



**KEINDAHAN** Tasik Meromiktik yang menjadi salah satu tarikan di Taman Negara Teluk Bahang.



**CARL** Michael Valenti.

**KARUNA HILL** di puncak Balik Pulau juga dibina atas perasaan kasih seorang suami kepada isteri; persis Taj Mahal dekat negara India yang menjadi simbol percintaan luar biasa Shah Jahan kepada Mumtaz.

Diceritakan, pemilik Karuna Hill yang dikenali sebagai **CARL MICHAEL VALENTI** pada tahun 2008 membeli sebidang tanah di Sungai Pinang, Balik Pulau untuk memenuhi minat isterinya, **LI LIAN TEH** terhadap durian.

Baru-baru ini penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual pemilik tempat tersebut yang mesra disapa sebagai Carl.

"Pada tahun 2008, memang kami sasarkan untuk memiliki aset sebegitu rupa, dengan menunggang motosikal, saya bersama-sama Li Lian mencari hartanah dan kebetulan kami terjumpa sebidang tanah di Sungai Pinang, Balik Pulau (kini merupakan Karuna Hill).

"Setelah berbincang bersama-sama pemilik dengan harga dipersetujui, saya mengambil keputusan untuk membeli tanah berkaitan untuk dijadikan sebagai lokasi penanaman durian.

"Ini kerana isteri saya amat meminati durian, malah saya juga telah 'terpengaruh' dengannya dan turut sama meminati durian," ujarnya yang berasal dari New York, Amerika Syarikat.

Carl yang juga tidak kekok dengan budaya tempatan menyatakan bahawa perancangan asal beliau adalah membina sebuah rumah untuk didiami sebagai lokasi persaraan buat mereka.

Namun kemudiannya, Carl mengambil keputusan untuk menggunakan empat chalet bagi saling berkongsi keindahan Karuna Hill dengan pengunjung luar.

Terletak di atas bukit, Karuna Hill menawarkan pemandangan indah Selat Melaka dan sebahagian kawasan Balik Pulau.

"Karuna Hill mampu beri satu pengalaman indah kepada yang cintakan alam semula jadi sambil menikmati keenakan buah durian.

"Selain itu, Karuna Hill turut menawarkan pemandangan indah matahari terbenam dan *'star gazing'* dalam suasana harmoni serta tenang bersama-sama orang tersayang.

"Sejujurnya, saya kurang gemar sekiranya lokasi ini terlalu menerima publisiti sehingga menjadi begitu dikenali, namun sekiranya sesiapa yang berpeluang ke sini, anda merupakan sebahagian yang 'terpilih' dan 'bertuah'," senyumnya yang merupakan pesara yang pernah berkhidmat di bursa Dow Jones.

Mengulas lanjut, Carl menyatakan bahawa antara spesies durian yang terdapat di Karuna Hill adalah jenis Duri Hitam, Musang King, Udang Merah, Hor Lor dan lain-lain.

Bagi yang berminat untuk merasai pengalaman menginap di Karuna Hill, boleh hubungi Carl di talian **016-4410808**.

Sebagai tambahan, Carl menyatakan bahawa beliau turut mengambil inisiatif khas mencantikkan lokasi perkelahan di air terjun berhampiran demi keselesaan para pengunjung.

"Kadangkala, saya berasa sedikit kesal dengan sikap segelintir individu yang datang berkelah dan membuang sampah di situ.

"Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menjaga aset dan keindahan alam yang dianugerahkan ini,'' serunya.

Pasukan Buletin Mutiara pada hari berkenaan seolah-olah langkah kanan apabila turut berpeluang menelusuri persisiran laut Balik Pulau hingga ke Taman Negara Teluk Bahang.

Melalui maklumat diperoleh daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), terdapat taman paya bakau seluas 666 hektar di kawasan Balik Pulau yang digazetkan sebagai Hutan Simpan Kekal.

Menerusi enjin carian peta *Google* pula, bermula dari Pulau Betong hingga ke sempadan Taman Negara Teluk Bahang, pemandangan hijau sepanjang jajaran tepi laut tersebut adalah paya yang tumbuh liar.

Selain menjadi 'tabung oksigen' kepada hidupan, hutan paya bakau sebenarnya memainkan banyak peranan penting dalam ekosistem lokal.

Paya bakau mampu bertindak sebagai benteng semula jadi daripada risiko bencana seperti tsunami dari arah laut.

Menurut cerita nelayan tempatan, lokasi berkaitan merupakan sarang ketam nipah.

Dengan isi ketam nipah yang lebih tebal di samping permintaan tinggi, sudah tentu berbaloi buat nelayan pantai berbanding menangkap serta menjual ketam biasa.

Mengambil kira pelbagai kepentingan tersebut, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan JPNPP pada Disember 2020 telah mengambil inisiatif bersama dengan menanam 2,020 batang pokok bakau minyak di Taman Paya Bakau Balik Pulau.

Sementara itu, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN** berkata bahawa agropelancongan dan ekopelancongan sememangnya diberikan penekanan oleh Kerajaan Negeri dalam Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang.

"Karuna Hill dan beberapa tarikan semula jadi dilihat mempunyai potensi besar sebagai penjana ekonomi sektor pelancongan pada masa depan," kata Soon Hin.



**YEOH** Soon Hin (tengah) bersama-sama Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Edward Tan Chiew Choon (kanan sekali) dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Pantai Acheh, Toh Tat Soon (kiri sekali) merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan Tasik Meromiktik.



**LANDSKAP** hutan paya bakau di Pantai Acheh, Balik Pulau.



**SUASANA** menenangkan di Karuna Hill.

# Transformasi tanah lapang sebagai kawasan hijau dan rekreasi diteruskan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM** - Sejajar dengan tema Visi Penang2030 ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Bersih dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan meneruskan usaha mentransformasikan kawasan tanah lapang menjadi taman kejiranan awam.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Pulau Pinang mempunyai 1,166 kawasan tanah lapang yang telah dikenal pasti dan boleh ditransformasikan sebagai kawasan hijau serta rekreasi dalam bandar.

"Di bahagian pulau, terdapat 241 kawasan tanah lapang manakala di Seberang Perai (925).

"Selain itu, sejajar tema Visi Penang2030 juga, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menanam 500,000 pokok menjelang tahun 2030 yang mana kini lebih 300,000 pokok telah ditanam di seluruh negeri," ujarnya pada sidang media yang diadakan menerusi platform *Facebook Live* di sini 4 Oktober lalu.

Sebelum itu, Jagdeep yang diiringi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang, barisan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Pengarah Landskap MBPP, Azizul Fahmi Muhamad meninjau perjalanan projek menaik taraf Taman Kejiranan Desa Mawar dekat sini.


JAGDEEP Singh Deo (empat dari kanan) dan Joseph Ng Soon Siang (kiri sekali) meneliti pelan projek menaik taraf Taman Kejiranan Desa Mawar di sini baru-baru ini.


KEADAAN kini.

"Projek yang dijalankan di atas tapak berkeluasan 6,862 meter persegi itu menggunakan teknologi panel solar *(panel fotovoltan)* sebagai usaha mempercepatkan agenda bandar karbon rendah di negeri ini.

"Kos keseluruhan projek ini berjumlah RM686,470.60 yang mana RM526,470.60 adalah daripada Kerajaan Negeri dan baki sebanyak RM160,000 lagi oleh MBPP.

"(Dan) ia dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2021 nanti," jelasnya.

Difahamkan, apabila siap kelak, Taman Kejiranan Desa Mawar yang menerapkan ciri-ciri Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDGs) berkaitan dilengkapi dengan taman permainan kanak-kanak; dataran serba guna; ruangan rehat dan rekreasi; pergola, laluan pejalan kaki, Mawar Pavilion serta alatan senaman luar yang memenuhi reka bentuk universal.

Sebagai rekod, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memaklumkan bahawa di bawah pentadbiran MBPP, terdapat sebanyak 62 projek penghijauan dan naik taraf tanah lapang yang menelan belanja RM12.34 juta. Manakala di bahagian Seberang Perai di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula terdapat 71 projek (RM18.29 juta).

Dalam pada itu, Soon Siang ketika ditemui menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri serta MBPP yang cakna dengan keperluan rakyat.

"Projek ini merupakan yang dinanti-nantikan oleh penduduk di sini, dan saya berharap agar projek kehijauan seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan demi rakyat Pulau Pinang," katanya.

# Kolaborasi ADUN, PIBG bantu pelajar dipuji

**BUKIT TAMBUN** - Prihatin dengan nasib pelajar lokal daripada keluarga berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) yang terjejas dek pandemik COVID-19, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik tampil membantu Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Simpang Empat bagi menjayakan program agihan bakul bantuan makanan kepada yang layak baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Choon Aik memberitahu bahawa pihaknya menyumbang RM2,000 untuk menyediakan 40 pek bantuan bakul makanan yang dilangsungkan secara pandu lalu di sini.

"Setiap bakul makanan yang disediakan ini bernilai kira-kira RM55.

"Tujuan penganjuran program ini antara lain adalah untuk membantu pelajar-pelajar terpilih yang paling terkesan (akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, PKP) dan COVID-19, seperti mereka yang terpaksa menjalani kuarantin di rumah masing-masing," jelasnya di sini pada 10 September 2021.

Menurut Choon Aik, program agihan bakul makanan secara pandu lalu itu merupakan kali pertama pihaknya saling berkolaborasi dengan PIBG sekolah berkenaan.

"Sehubungan itu, dengan rasa rendah diri saya begitu berharap agar lebih banyak lagi kerjasama dapat dilakukan pada masa hadapan demi membantu pelajar daripada keluarga yang terjejas hidup mereka.

"Di samping itu, saya juga berharap (kolaborasi sebegini) dapat bersama-sama PIBG sekolah membela nasib pelajar yang memang benar-benar memerlukan sokongan untuk terus belajar di sekolah ini," ujarnya.


GOH Choon Aik (kiri sekali) menyampaikan bakul makanan kepada salah seorang penerima secara pandu lalu hasil usaha sama PIBG SMK Simpang Empat di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata bahawa pihaknya turut mendapat maklum balas daripada pihak pentadbir sekolah dan PIBG berhubung tandas lelaki di salah sebuah bangunan yang begitu uzur.

"Saya dapati tandas lelaki itu begitu uzur, bumbung telah rosak dan memang perlu segera dibaiki memandangkan sesi persekolahan secara bersemuka mula dibuka secara berperingkat, sekarang.

"Untuk memperbaiki segala kerosakan struktur pada tandas ini memerlukan kira-kira RM20,000, dan saya telah meluluskan peruntukan yang diperlukan itu demi memenuhi keperluan pelajar yang tidak lama lagi akan kembali ke sekolah," ulasnya.

Pada majlis sama, Choon Aik turut menyumbang sejumlah pelitup muka serta pensanitasi tangan kepada pihak sekolah tersebut memandangkan sesi persekolahan secara bersemuka dibuka secara berperingkat mulai 3 Oktober 2021.

Pengetua SMK Simpang Empat, Eshamuddin Abd. Rahim yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan serta memuji keprihatinan Choon Aik dalam hal menjaga kebajikan pelajar serta menjayakan aktiviti yang dianjurkan PIBG berkenaan semasa pandemik.

(Sambungan dari muka 1).

# Dalami ciri herba tradisional Melayu

Ini kerana menurut beliau, terdapat sesetengah herba tradisional yang ditanam hanya boleh didapati di negara ini sahaja.

"Sebab itu kita telah memilih kebun herba tradisional sebagai 'rakan usaha sama' Pusat Ekopelancongan SPU.

"(Dan) kita berharap (melalui usaha sama ini), lebih ramai pelancong akan datang ke Pulau Pinang khasnya Seberang Perai untuk mendalami ciri-ciri herba tradisional Melayu dan kegunaan dalam kehidupan seharian masyarakat.

"Pada masa sama, kita juga mahu mempromosikan Pusat Ekopelancongan SPU dalam peta pelancongan negeri melalui produk-produk yang terpilih ini sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang," ulasnya.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara turut berkesempatan melawat dan menemu bual pengusaha tanaman halia organik serta herba tradisional tempatan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai produk mereka.

## Ladang halia organik

Pemilik ladang halia organik, **WAN CHIK AHMAD**, 53, berkata beliau mula menceburkan diri dalam bidang penanaman halia pada Mei 2020 selepas perniagaannya sebagai kontraktor terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

"Pertanian bukanlah bidang saya kerana saya datang dari latar belakang kejuruteraan tetapi saya mempunyai minat yang mendalam dalam bidang ini.

"Selain itu, matlamat saya adalah untuk mengubah persepsi masyarakat di kampung yang berpandangan bahawa bidang pertanian tidak dapat menjana pendapatan lumayan.

"Sebab itulah selepas pulang dari luar negara, saya terus buat bendang padi dan mula melabur untuk membeli kelengkapan pertanian sebelum memulakan penanaman halia organik," ujarnya yang pernah berkhidmat sebagai jurutera di Amerika Syarikat, Poland, Mexico dan Indonesia.

Beliau yang lebih mesra disapa sebagai Encik Wan menjelaskan bahawa semua kerja penyelidikan, pembinaan tapak ladang dan penanaman halia organik adalah diusahakan sendiri olehnya dengan bantuan seorang lagi pekerja.

Malah kata beliau, tanaman halia organik yang diusahakan di atas tanah seluas setengah ekar tersebut menggunakan 100 peratus sekam padi untuk tujuan semaian anak benih.

"Saya guna sekam padi kerana ia tidak mempunyai sebarang mikroorganisma selain boleh dirawat menggunakan teknologi tertentu.

"Selain itu, saya juga banyak menggunakan bahan-bahan organik yang mesra alam sebagai alternatif untuk mengurangkan penggunaan bahan kimia.

"Dari segi penjagaan pula, tanaman halia memerlukan kita sentiasa mengawal kuantiti siraman serta suhu air iaitu tidak melebihi 30 darjah Celsius selain memastikan tahap keasidan (pH) tanah berada dalam lingkungan 5 hingga 6 sekiranya cuaca panas," katanya.

Encik Wan memberitahu bahawa selain permintaan pasaran, kebergantungan Malaysia kepada halia import khususnya dari China dan Thailand menjadi faktor utama beliau memilih untuk mengusahakan ladang halia organik.

"Sekarang negara kita bergantung lebih 80 peratus kepada halia import, dan ini membuatkan saya berfikir kenapa kita sendiri tidak mengusahakan industri ini terutamanya di kawasan Kepala Batas.



LAY Hock Peng (kanan) memerhatikan Wan Chik Ahmad merasa halia organik yang baru dituai.

"Tambahan pula, rasa halia organik yang ditanam di sini berbeza dengan halia import yang mana ia lebih pedas," ujarnya lanjut.

Tambah Encik Wan, tanaman halia organik yang beliau usahakan adalah menggunakan sistem fertigasi dan mampu menghasilkan kira-kira 10,000 kilogram (kg) setiap kali tuaian dilakukan.

"Kali pertama tuai, hasil yang saya dapat adalah kira-kira 1.6kg untuk satu polibeg tetapi sekarang boleh cecah 2 hingga 3kg dengan kadar kekerapan tuaian adalah sekitar enam bulan sekali.

"Hasil yang dituai pada mulanya dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bukit Mertajam, tetapi kini diperluaskan kepada pemborong-pemborong tempatan khususnya di Pasar Awam Bukit Metajam," ulasnya.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan terutamanya setelah menyertai Pakej Ekopelancongan SPU, Encik Wan memberitahu bahawa beliau berhasrat mewujudkan satu ruang khas untuk pameran produk berkaitan halia.

"Mungkin kita boleh adakan satu ruang khas untuk menempatkan halia segar dan produk-produk yang dihasilkan daripada halia seperti teh, kopi, biskut, produk kesihatan dan sebagainya.

"Jadi, apabila pelancong datang nanti, mereka boleh mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan halia selain boleh merasai sendiri pengalaman menuai halia di sini.

"Kita sasarkan sebanyak 1,000 pokok halia akan disediakan khusus untuk tujuan pelancongan," ujarnya lagi.

## Tanaman herba tradisional

Permintaan terhadap herba tradisional semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di negara ini yang mana ia dijadikan bahan utama dalam penghasilan pelbagai produk kecantikan dan kesihatan pada masa kini.

Malah, pengambilan herba tradisional sebagai bahan rawatan sudah lama dipraktikkan dan dikatakan mampu mengurangkan pelbagai masalah kesihatan seperti sakit sendi, kecing manis, darah tinggi, batu karang dan sebagainya.

Bertitik tolak dari situlah, **MOHD. SHUKRI MOHAMAD TALIB**, 49, menyatakan bahawa beliau mengambil keputusan untuk mempelbagaikan lagi tanaman herba yang diusahakannya sejak dua tahun lalu.

Beliau berkata, pada masa ini, terdapat lebih 160 jenis herba telah ditanam di atas tanah seluas empat ekar milik Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang diwartakan khas untuk tanaman organik dekat Kampung Pelet dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Antara herba yang ditanam adalah seperti markisa, petola, peria katak, pegaga, kunyit, sirih, pokok cincau, belalai gajah, misai kucing, lidah buaya, halia bara, mahkota dewa, bunga telang, serta banyak lagi.

"Semua tanaman ini tidak terdedah kepada bahan-bahan kimia kerana kita menggunakan kompos organik yang dihasilkan daripada hampas herba dan tinja (tahi) ayam.

"Ini penting kerana kilang-kilang dan pengusaha produk kesihatan tempatan yang merupakan pelanggan tetap kami mendapatkan pelbagai jenis herba di sini untuk menghasilkan pelbagai produk seperti makanan kesihatan, penjagaan diri, farmaseutikal dan lain-lain.

"Jadi, kita mahu pastikan tanaman yang dihasilkan ini adalah selamat serta bebas daripada sebarang penggunaan bahan kimia yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna," katanya ketika ditemui dekat Kampung Pelet baru-baru ini.

Bercerita mengenai penglibatan awal dalam bidang pertanian herba, Mohd. Shukri menjelaskan bahawa ia bermula sejak 20 tahun lalu yang mana ketika itu beliau masih bekerja di sebuah kilang di negeri ini.

Menurut beliau, minat terhadap penanaman pokok membuatkannya nekad menceburi bidang pertanian bermula dengan mengusaha ladang kontrak untuk membekalkan herba misai kucing atau nama saintifiknya *Orthosiphon aristatus* kepada Universiti Sains Malaysia (USM) bagi tujuan penyelidikan.

"Pada masa itu, USM minta bekalkan kira-kira satu tan metrik herba misai kucing yang telah dikeringkan setiap bulan yang mana ia memerlukan banyak pembekal bagi memenuhi permintaan tersebut.

"Malangnya, tidak ramai petani yang mampu bekalkan herba misai kucing pada waktu itu, dan bermula dari situlah saya buat keputusan untuk membuka ladang kontrak untuk menanam herba misai kucing.

"Kemudian, saya menambah beberapa jenis tanaman herba lagi seperti akar serapat, kacip fatimah, tongkat ali dan lain-lain seiring dengan permintaan oleh pihak USM ketika itu," jelasnya.

Mengulas lanjut, Mohd. Shukri berkata bahawa penanaman herba tradisional kini berkembang menjadi sebuah industri yang sangat berpotensi besar untuk menjana ekonomi negara termasuk negeri Pulau Pinang.

# di Seberang Perai

Oleh itu, beliau memberitahu bahawa tanaman herba yang diusahakan tersebut tidak hanya dipasarkan dalam bentuk herba segar atau dikeringkan tetapi turut dijual dalam bentuk ekstrak kerana permintaannya lebih tinggi katika ini.

"Sebelum ini, saya jual herba kebanyakannya dalam bentuk herba kering yang dikisar tetapi malangnya produk ini mendapat maklum balas kurang memuaskan daripada pelanggan.

"Hal ini kerana, mereka mendakwa bahawa pengambilan herba yang dikisar berisiko menjejaskan kesihatan terutamanya berkaitan dengan buah pinggang.

"Justeru, saya mengambil keputusan untuk menukar herba-herba ini ke dalam bentuk ekstrak dengan menggunakan teknologi moden yang lebih canggih, dan alhamdulillah ia nampaknya telah diterima baik serta mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

"Walau bagaimanapun, proses pengekstrakan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan mengambil masa yang agak lama iaitu kira-kira setahun untuk memperkenalkan teknologi baru sebelum herba ini boleh dipasarkan.

"Selain itu, kos untuk proses pengekstrakan agak tinggi jadi secara tidak langsung produk yang kita jual juga menjadi sedikit mahal kerana upah bagi proses tersebut adalah dalam anggaran RM90 untuk sekilogram.

"Pada mulanya, pelanggan agak sukar untuk menerima produk dalam bentuk ekstrak tetapi selepas setahun kita adakan promosi dan memperlihatkan keberkesanan terhadap kesihatan, akhirnya mereka boleh menerimanya," jelasnya.

Ketika ditanya adakah penularan pandemik COVID-19 menjejaskan perniagaanya, Mohd. Shukri memberitahu bahawa jualan produk herba kekal mendapat permintaan tinggi meskipun negara berdepan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu.

"Walaupun negara berada dalam tempoh PKP, tetapi perniagaan masih berjalan kerana kita dalam kategori makanan kesihatan yang dibenarkan untuk beroperasi dan pelanggan tetap pula terdiri daripada kilang-kilang pembuatan suplemen bukan sahaja dari utara tetapi juga di seluruh tanah air kecuali Sabah dan Sarawak.

"Tambahan pula, dalam tempoh pandemik ini kebanyakan orang mencari herba terutamanya kulit kayu manis, kunyit, bawang putih, halia dan mambu sebagai alternatif untuk merawat dan menguatkan imun tubuh badan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19 kerana pada masa itu kita masih belum ada vaksin," ujarnya.

